

05 OCT 2001

Mahathir-Anuiti

SKIM ANUITI AKAN DILAKSANA OLEH KWSP, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan memutuskan bahawa skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang digantung sebelum ini, akan dilaksanakan oleh KWSP sepenuhnya.

Beliau berkata, di bawah skim itu, KWSP akan membuat bayaran bulanan selama 20 tahun setelah mengambil kira antara lain jumlah simpanan dan jumlah pendapatan yang dianggarkan.

"KWSP tidak akan bayar sekaligus... tetapi secara ansuran bulanan. Kalau nak ambil semua pun boleh..nak ambil sebahagian untuk berniaga pun boleh dan sebahagian lagi dibayar ansuran," katanya pada majlis jamuan ulang tahun ke-50 KWSP di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata kaedah baru kerajaan itu adalah lebih kurang sama dengan insurans tetapi mengikut perkiraan kerajaan, pencarum akan menikmati pulangan lebih daripada kaedah insurans.

Menurutnya, kerajaan menggantung skim itu yang dicadang dilaksanakan oleh syarikat insurans sebelum ini selepas mendapat bantahan sesetengah pekerja dan kesatuan.

Skim anuiti dilancarkan pada Julai tahun lalu tetapi digantung pada Mei tahun ini berikutan bantahan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Kerajaan sebelum ini mengarahkan KWSP menggantung pelaksanaan skim anuiti itu pada Mei lepas untuk membuat kajian.

"Setelah membuat kajian, kerajaan mencari jalan tengah iaitu tidak menggunakan khidmat syarikat insurans tetapi KWSP menjadi ejen insurans dalam hal ini," katanya.

Dr Mahathir berkata KWSP tidak boleh menjadi syarikat insurans dan pulangan adalah lebih tinggi jika KWSP melaksanakannya sendiri.

"Tiada komisen dibayar kepada ejen insurans. KWSP akan melabur wang itu dan membayar dividen disamping ansuran bulanan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan telahpun membuat rangka skim berkenaan dan KWSP akan menjadikannya sebagai keputusan.

Perdana Menteri berkata beliau berharap tidak ada lagi bantahan daripada kesatuan pekerja atau pencarum dalam melaksanakan skim itu.

Dr Mahathir berkata bayaran ansuran bulanan itu adalah untuk menjamin kesejahteraan hidup pencarum.

"Sebelum skim ini dicadangkan, apabila bersara pencarum keluar semua simpanan dan tidak pandai urus kewangan dan habis tidak sampai tiga tahun. Mungkin mereka berniaga tetapi rugi dan semua simpanan hilang sekelip mata sahaja," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pencarum perlu menerima hakikat risiko perniagaan yang tidak menentu hasil pelaburan KWSP dalam syarikat-syarikat tempatan.

"Syarikat-syarikat di Malaysia ada rugi semasa kegawatan ekonomi tetapi KWSP tidak bankrap dan tetap memberi dividen.

KWSP tidak diisytihar mengalami kerugian dan ini adalah satu penetapan yang patut dihargai oleh pencarum," kata beliau.

Perdana Menteri berkata ekor ekonomi merosot kini, syarikat-syarikat gergasi akan mengalami kerugian dan pelaburan KWSP juga terjejas dan berharap pencarum dapat menerima hakikat tersebut.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata dengan wujud "industrial peace"

antara majikan dan pekerja di negara ini membolehkan KWSP tumbuh dengan pesatnya dan menjadi dana terbesar dalam negara.

"Lebih besar daripada perbelanjaan negara tahunan," katanya.

KWSP kini mempunyai 10 jutaahli dengan dana sebanyak lebih RM185 bilion.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampai beberapa anugerah khas KWSP.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima anugerah khas majikan apabila menjadi majikan yang mempunyai pekerja teramai mencarum di KWSP iaitu 21,274 orang dengan caruman bulanan sebanyak RM9,536,827 juta.

Leong Weng Sang @ Leong Weng Sun dari Ipoh, Perak terpilih untuk anugerah khas ahli istimewa.

Leong berusia 69 tahun merupakan ahli yang terawal mendaftar dengan KWSP pada 22 April, 1952 dan masih mempunyai simpanan.

Mohamed Zin Ahmad dari Kuala Lumpur dipilih untuk anugerah khas ahli usia emas sempena usia 50 tahun pada 1 Okt, 2001.

-- BERNAMA

DC FAZ